



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**27 JULAI 2022 (RABU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**27 JULAI 2022 (RABU)**

## Harga maksimum minyak masak botol diumum masa terdekat

**Putrajaya:** Kerajaan sedang mengadakan llibat urus dengan pihak industri dalam meneliti harga minyak masak botol bagi menentukan harga maksimum di pasaran yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata sesi llibat urus itu yang meneliti harga semasa dan harga sebelum dijangka mengambil masa seminggu.

Menurutnya, ia berikutan harga minyak sawit mentah dunia mula turun sejak Ahad lalu

kepada RM3,000 per tan dan dijangka akan turun lagi.

Katanya, isu itu sering dibangkitkan pengguna dan kerajaan prihatin apabila bahan mentah naik secara mendadak mengakibatkan kenaikan harga barang lain.

"Apabila bahan mentah turun, peniaga lambat menurunkan harga dan ia menjadi fenomena tidak sihat yang perlu ditangani," katanya kepada pemberita pada Majlis Pra Pelancaran Cabutan Bertuah 'Belanja dan Menang' PJM di sebuah pusat beli-belah di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan, Pengurusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa dalam mesyuarat jawatankuasa itu berkata, kerajaan akan mewartakan harga minyak masak sawit tulen dalam botol menerusi kaedah penentuan harga maksimum bagi mengawal dan menurunkan harganya.

### Tertakluk harga siling

Menerusi perwartaan itu, harga minyak masak sawit tulen akan tertakluk pada harga siling ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang akan ditentukan berdasarkan harga minyak sawit mentah (MSM) dunia.

Mengulas lanjut Rosol berkata, pihak industri masih 'liat' menurunkan harga dengan memberi alasan stok lama termasuk masih menunggu rundingan dengan pengilang.

Menurutnya, kerajaan mengutamakan kebijakan pengguna dan dalam keadaan ini sekiranya pihak industri liat untuk menurunkan harga kerajaan akan campur tangan bagi menangani isu berkenaan.

Katanya, KPDNHEP akan bekerjasama dengan pihak industri bagi memastikan harga minyak masak turun seiring penurunan harga minyak sawit mentah dunia.

"KPDNHEP perlu bersikap seimbang dalam menjaga kedua-dua pihak iaitu peniaga dan pengguna supaya peniaga tidak tertekan dan merajuk akhirnya tiada bekalan mengakibatkan pengguna berhadapan kesusahan serta teraniaya apabila peniaga mengambil keuntungan berlebihan dan mencatu bekalan," katanya.

HARI : RABU  
TARIKH : 27/7/2022  
M/SURAT : 10

**Kota Bharu:** Sebanyak 2.1 tan minyak masak peket bersubsidi dan 1.6 tan gula dirampas pada serbuan di sebuah premis borong di Kok Lanas dekat sini, jam 5 petang kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan Aswadi Jaafar berkata, serbuan dibuat terhadap premis borong berlesen itu selepas ia didapati berada dalam ke-

adaan mencurigakan.

"Minyak masak paket serta gula itu bermula lebih RM10,000. Kes disiasat mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu mengalih di tempat yang tidak dilesenkan dan melanggar Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan 1974.

"Turut disita adalah dokumen berkaitan manakala pemilik premis borong yang juga warga tempatan ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya pada ke-

nyataan semalam.

Aswadi berkata, kerjasama antara agensi penguat-

kuasaan dalam membanteras ketirisan barang kawalan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan barang bersubsidi ini juga boleh menyalurkannya kepada kami," katanya.

## **KPDNHEP rampas 2.1 tan minyak masak peket bersubsidi**

HARI : RABU  
TARIKH : 27/7/2022  
M/SURAT : 3



**KELANTAN**  
Lelaki ditahan sorok  
2,210 kg minyak  
masak peket

28

HARI : RABU  
TARIKH : 27/7/2022  
M/SURAT : 28

## Sorok 2,210 kg minyak masak peket

**KOTA BHARU** - Seorang lelaki ditahan selepas menyorokkan 2,210 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi di tempat yang tidak dilesenkan dalam serbuan di Kok Lanas, di sini pada Isnin.

Lelaki tersebut ditahan dalam serbuan jam 5 petang bagi membantu siasatan berhubung per-

kara tersebut.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat risikan yang diperoleh pihaknya berkait dengan aktiviti tersebut.

"Hasil pemeriksaan yang

dijalankan, pihak kami menjumpai 2,210 kg minyak masak peket. Selain itu kita turut temui 1,680 kg gula peket," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Aswadi berkata, nilai rampasan barang kawalan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM10,313.

KEMENTERIAN PENGURUSAHAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGURUSAHAN

**JUALAN MALAYSIA SALE**  
#keluargamalaysia  
#belanjauntukmalaysia

**BELANJA & MENANG!**  
OGOS-DISEMBER 2022

**CABUTAN**  
**BERTUAH**

**HADIAH UTAMA**

**PROTON X50**  
1.5 TGDI  
Flagship






Muat turun aplikasi  
**MySales Tracker**  
untuk penyertaan dan  
maklumat lanjut!

  
GET IT ON Google Play  
Available on the App Store

\*Tertakluk kepada termasuk syarat.

HARI : RABU  
TARIKH : 27/7/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	<b>RM7.89</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM45</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM55.90</b>

• Telur Gred A	<b>RM13.49</b>
• Ikan Kembung	<b>RM10.99</b>
• Minyak Masak	<b>RM9.45</b>

• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM3.89</b>
• Bawang Putih	<b>RM5.00</b>

• Cili Merah	<b>RM12.00</b>
• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM5</b>
• Tepung Gandum	<b>RM3.00</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP